

PETIKAN TITAH
"KERAJAAN beta juga terus peka terhadap keperluan tenaga manusia bagi pembangunan. Di antaranya ialah penyediaan tenaga dalam bidang teknologi infokomunikasi yakni ICT, sebagai ciri khusus untuk mewujudkan e-kerajaan dan



MANISNYA IMAN
"TIADA yang boleh menolak takdir Allah kecuali doa dan tiada yang menambah umur kecuali dengan berbuat amal kebajikan".
Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam (Riwayat Al-Imam Al-Tarmizi)

Rabu
25 Mei, 2005
15 Rabiulakhir, 1426
Tahun 50 Bilangan 21

HALUAN

- [Berita Utama](#)
- [Berita Ringkas](#)
- [Haluan](#)
- [Dari Sidang Pengarang](#)
- [Analisis](#)
- [Melirik Masa Silam](#)
- [Kam Halnya](#)
- [Aneka Rencana](#)
- [Ekonomi](#)
- [Suara Dari Mimbar](#)
- [Menuju Keredaan Allah](#)
- [Sepuluh Negara Satu Masyarakat](#)
- [Sudut Perkhidmatan Awam](#)
- [Minda Pembaca](#)
- [Remaja](#)
- [Menjana Kesihatan Biskita](#)
- [Sari Pembangunan](#)
- [Menusur Mukim dan Kampung](#)
- [Sukan Arafura 2005](#)
- [Arena Sukan](#)
- [Iklan-iklan Jawatan Kosong](#)
- [Iklan-iklan Tawaran](#)
- [Arkib](#)

TAHUKAH AWDA?

UNIVERSITI Brunei Darussalam telah menghasilkan 2,955 orang graduan lelaki dalam pelbagai program di peringkat sarjana, ijazah pertama, diploma lepasan ijazah, diploma dan sijil sejak konvokesyen pertama hingga konvokesyen keenam belas. Tahun 1989 (133); 1990 (100); 1991 (110); 1992 (96); 1993 (137); 1994 (142); 1995 (153); 1996 (166); 1997 (191); 1998 (152); 1999 (176); 2000 (208); 2001 (216); 2002 (339); 2003 (314) dan 2004 (322). - Sumber: Pusat Teknologi Informasi Komunikasi (ICT), Universiti Brunei Darussalam (Mei, 2005).

Pelita Brunei Online
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Alamat e-mail:
[Pelita Brunei](mailto:pelita@brunei.gov.bn)



TITAH Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan perlantikan-perlantikan baru pada 24 Mei 2005.

Laksana tugas, kuasa dan kewajipan dengan penuh ikhlas dan amanah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbi'l 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasabihiee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana Negara Brunei Darussalam - di dalam perkara mengungkayahkan pelbagai bidang - telah dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain di dunia. Khusus di bidang pemerintahan dan pengurusan kerajaan, kita telah membuktikan kemampuan kita yang tinggi yang sebanding dengan orang lain, di mana dengannya kita telah mencapai objektif-objektif negara di pelbagai jurusan.

Kita juga telah berjaya mengekalkan keamanan dan kesejahteraan untuk dikecapi oleh sekalian rakyat dan penduduk. Pendeknya, kerajaan beta telah berhasil membawa rakyat dan penduduk negara ini menikmati keamanan dan kesejahteraan tersebut, sebagai hasil dari cara hidup kita menghormati dan mematuhi undang-undang serta peraturan, sangat-sangat diidamkan oleh semua negara di dunia.

Bagi meneruskan apa-apa yang telah dicapai itu dan juga sebagai cara untuk memberikan peluang kepada beberapa individu tertentu, maka beta ingin merombak keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan melantik beberapa lantikan baru, seperti berikut:

Beta sendiri selaku Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyandang jawatan sebagai Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan juga Menteri Kewangan.

Paduka Anakanda Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, sebagai Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Paduka adinda Duli Pengiran Perdana Wazir Sahbiul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Seri Haji Mohamed Taib sebagai Menteri Pendidikan.

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin sebagai Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat sebagai Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong sebagai Menteri Perhubungan.

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Suyoi bin Haji Osman sebagai Menteri Kesihatan.

Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar sebagai Menteri Pembangunan.

Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pehin Orang Kaya Seri Utama Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar sebagai Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri.

Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim sebagai Menteri Kewangan II (Kedua).

Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua).

Dato Paduka Haji Eusoff Agaki bin Haji Ismail sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pehin Datu Singamanteri Kol (L) Dato Paduka Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar sebagai Timbalan Menteri Pertahanan.

Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman sebagai Timbalan Menteri Pendidikan.

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dato Paduka Haji Hamdilah bin Haji Abdul Wahab sebagai Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Dato Paduka Haji Yusof bin Haji Abdul Hamid sebagai Timbalan Menteri Perhubungan.

Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah sebagai Timbalan Menteri Kesihatan.

Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussein sebagai Timbalan Menteri Pembangunan dan Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Perlantikan ini bermula dari hari ini, Selasa, 15 haribulan Rabiulakhir tahun 1426 bersamaan dengan 24 haribulan Mei tahun 2005 bagi tempoh selama lima (5) tahun.

Beta dengan ini juga sukacita memaklumkan bahawasanya jawatan Mufti Kerajaan dan Peguam Negara mulai hari ini adalah sebagai jawatan bertaraf Menteri.

Beta berharap, supaya Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri yang baru beta lantik ini, akan dapat melaksanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang diamanahkan kepada mereka dengan penuh ikhlas, jujur dan amanah serta teguh pula memegang ikrar dan konsep taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja. Segala ikrar dan pertuturan hendaklah betul dan benar, jangan ia disulam dengan kepura-puraan walaupun sedikit, kerana tujuan kita ialah untuk mencari keselamatan, di mana keselamatan itu berpunca atau bersumber dari keredaan Allah jua, iaitu apabila orang-orang yang diberi jawatan atau kuasa itu menjalankannya dengan lurus dan adil.

Kepada mereka yang tidak lagi dilantik, beta ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih beta yang tulus ikhlas di atas tenaga dan buah fikiran yang telah mereka sumbangkan selama ini, semoga Allah jua yang akan mengurniakan kepada mereka kesejahteraan yang berterusan serta lain-lain ganjaran.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.